

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BT. WANG (KOTA
SAMARAHAN)**

SOALAN

PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini bagi pembinaan baru Ibu Pejabat Polis Daerah di Asajaya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Balai Polis Asajaya, Sarawak terletak di bawah bidang kuasa pentadbiran IPD Kota Samarahan dimana bangunan sedia ada dibina pada tahun 1977 iaitu telah berusia 40 tahun dan beroperasi dengan perjawatan sebanyak 17 anggota pelbagai pangkat. Kementerian Dalam Negeri (KDN) berpandangan bahawa Balai Polis masih boleh menjalankan fungsi dengan baik di bawah struktur sedia ada.

Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengkaji dari masa ke semasa keperluan untuk menaiktaraf sesuatu fasiliti PDRM termasuk BP demi menjamin keselesaan dan keselamatan rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kadar kemiskinan serta status penyemakan semula pendapatan garis kemiskinan (PGK) supaya lebih menggambarkan masalah kemiskinan sebenar masyarakat Malaysia.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

1. Kerajaan menyedari bahawa pengukuran kemiskinan sedia ada perlu ditambah baik. Susulan itu, strategi untuk menambah baik pengukuran kemiskinan telah dilaksanakan melalui kajian semula metodologi PGK untuk lebih menggambarkan corak penggunaan (*consumption pattern*) dan keperluan serta demografi semasa isi rumah. Kajian semula ini merangkumi kajian metodologi, konsep dan komponen serta nilai PGK semasa. Kajian semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Malaysia dilaksanakan selaras dengan strategi yang dirangka dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) seperti pembentangan dalam Parlimen pada 18 Oktober 2018.

2. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menjalankan kajian semula bermula pada Mac 2019 sehingga Jun 2020.

3. Kerajaan telah dan sedang melaksanakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak termasuk kementerian/jabatan/agensi, semua Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan beberapa ahli akademik serta institut penyelidikan dilaksanakan untuk memberi penjelasan lanjut berkenaan metodologi PGK 2019 yang telah ditambah baik.

4. PGK adalah merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan untuk hidup sihat dan aktif dalam masyarakat. Model pengukuran kemiskinan mutlak (*absolute poverty*) ini menjadi amalan pengukuran yang diterima pakai di peringkat antarabangsa dan diamalkan oleh kebanyakan negara membangun. Kaedah ini mengambil kira ciri-ciri demografi isi rumah seperti saiz ahli isi rumah, umur, jantina dan berat badan setiap ahli isi rumah serta lokasi isi rumah berkaitan mengikut negeri, bandar dan luar bandar.

5. Dapatan kajian menghasilkan metodologi PGK 2019 yang ditambah baik daripada metodologi PGK 2005. Sama seperti metodologi PGK 2005, metodologi PGK 2019 mengambil kira tiga komponen asas iaitu keperluan makanan dan bukan makanan serta ciri-ciri isi rumah yang berkaitan. Walau bagaimanapun, elemen yang diambil kira dalam keperluan makanan dan bukan makanan ditambah baik untuk menggambarkan peningkatan kualiti dalam kehidupan. Bilangan kalori yang dianggap mencukupi pada tahun 2005, diubahsuai bukan sahaja kandungan kalori tetapi juga keperluan sajian bagi pengambilan pemakanan yang lebih seimbang mengikut "*food pyramid*". Manakala, barangan bukan makanan yang bersifat mewah pada tahun 2005, seperti telefon bimbit, hari ini adalah merupakan keperluan asas.

6. Berdasarkan metodologi PGK 2019, PGK keseluruhan berjumlah RM2,208 di peringkat nasional. Ini merupakan peningkatan ketara berbanding dengan PGK 2016 yang mengguna pakai metodologi 2005 iaitu RM980. Kenaikan ketara nilai PGK 2019 adalah disebabkan beberapa faktor berdasarkan penambahbaikan terhadap metodologi sedia ada seperti berikut:

- (i) Konsep PGK makanan yang berubah daripada keperluan 'minimum' kalori kepada keperluan 'optimum minimum' yang menunjukkan peningkatan kualiti item bakul makanan berdasarkan Piramid Makanan 2020.
- (ii) bagi PGK bukan makanan pula, keperluan kumpulan B20 telah bertambah dari 106 kepada 146 item; dan
- (iii) perubahan pola perbelanjaan isi rumah, harga barangan dan perkhidmatan semasa.

7. Sepertimana pengumuman Kerajaan berkenaan penemuan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES&BA) 2019 pada 10 Julai 2020, berdasarkan metodologi PGK 2019, kadar kemiskinan mutlak adalah 5.6% (405,441 isi rumah) berbanding 7.6% (525,743 isi rumah).

8. Kerajaan sentiasa komited dalam melaksanakan program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan dalam menangani jurang kekayaan dan pendapatan dalam kalangan Rakyat. Ini adalah sejajar dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia mengecapi taraf hidup wajar atau dengan izin, "*decent standard of living*" menjelang tahun 2030.

Sekian, terima kasih.